

# INSPIRASI

ANTOLOGI PUISI  
SEMPENA JUBLI PERAK  
KEMERDEKAAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية

UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI  
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

Diterbitkan oleh / *Published by:*  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali /  
*Sultan Sharif Ali Islamic University*

Edisi Pertama, 2009 / *First Edition, 2009*  
© Universiti Islam Sultan Sharif Ali /  
*Sultan Sharif Ali Islamic University*

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Universiti Islam Sultan Sharif Ali terlebih dahulu.

*All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted, in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording, or otherwise, without any prior written permission of the publisher.*

Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei  
Cataloguing-in-publication

INSPIRASI : antologi puisi sempena jubli perak kemerdekaan Negara Brunei Darussalam. – Bandar Seri Begawan : Universiti Islam Sultan Sharif Ali, 2009.  
106 p.  
ISBN 99917-1-912-1  
1. Malay poetry.  
899.281 INS (DDC 22)

**KANDUNGAN****MUKA  
SURAT**

SEKAPUR SIRIH .....	1
PENGENALAN .....	3
<b>ZAIRIS M.S.</b> .....	16
DAERAH SEPI.....	18
DARUSSALAM MERDEKA.....	20
DI BAWAH MENARA MASJID OMAR ALI SAIFUDDIEN ...	23
MUTIARA ANUGERAH .....	26
SYIAR ISLAMI.....	28
ZIKIR ALAM .....	30
BINTANG GENERASI.....	32
TSUNAMI ZIONIS .....	33
SALAM .....	35
BERTEDUH DI SINI SEBELUM TERLEWAT .....	37
الوقوف هنا قبل فوات الاوان .....	39
<b>A.MUNIR</b> .....	42
7 SEPTEMBER.....	44
TAMADUN KEMANUSIAAN MERENTASI SEMPADAN.....	45
WADI NILE.....	46
KERINDUAN .....	47
RAMADHAN .....	48
AL HARAMAIN .....	49
PALESTIN.....	50

<b>M. YUSOP</b> .....	51
HARAPAN.....	53
SEBUTIR MUTIARA.....	54
<b>DR HJH MASNON BTE HJ IBRAHIM</b> .....	55
SELOKA UNISSA DAN MERDEKA.....	57
<b>ARIF KHUDAIRI</b> .....	59
DAY OF INDEPENDENCE .....	61
WITH THE BELOVED.....	62
THE GARDEN.....	63
IN YOU .....	64
LIKE YOU LIKE ME .....	65
خير الملوك.....	66
MAHKOTA PURNAMA .....	67
<b>ABOU BALQIS</b> .....	69
UNISSA.....	71
LALUAN INI .....	72
PAGI ITU.....	73
<b>DR SHOHIBUDDIN HJ LAMING</b> .....	74
LEMBAH ITU.....	76
NAMANYA TIHAMAH.....	78
MENTARI.....	79
KUBAH .....	80
PADANG MINDA .....	82
WATER VILLAGE.....	83

<b>DR NUROL HUDA BINTI PEHIN DATU SERI MAHARAJA DATO SERI UTAMA (DR) HAJI ISMAIL.....</b>	<b>85</b>
ANUGERAH KEMERDEKAAN .....	87
KEMERDEKAAN MENGIKUT GARIS ILAHI.....	88
<b>SITI ZALIHA BINTI HAJI ABU SALIM.....</b>	<b>89</b>
WASIAT KEMERDEKAAN .....	90
JANGAN PERGI KE ZAMAN JAHILI .....	92
TITIPAN SEMAUN.....	93
<b>WAN HABIB WAN IBRAHIM.....</b>	<b>94</b>
TAKBIR MERDEKA .....	96
<b>HAJAH RAFIDAH BINTI HAJI ABDULLAH .....</b>	<b>98</b>
PERAMU .....	99
MERDEKAKAH SAUDARAKU? .....	101
AMANAT SEORANG REKTOR .....	102
<b>HAJAH RAFIZAH BINTI HAJI ABDULLAH.....</b>	<b>104</b>
KENAPA?.....	105

Missal PL 5136 I47 2009 C-1

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI	
No. Perolehan: <u>1010</u>	<u>005478</u>
WAQAF DATU UTAMA:	
Tarikh: <u>25.02.2010</u>	

## SEKAPUR SIRIH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala puji bagi Allah Subhanahu Wata'ala Tuhan seru sekalian alam. Selawat dan salam ke atas Junjungan kita Nabi Muhammad sallallahu alaihi wasallam, para kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang setia hingga ke akhir zaman.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada pihak Universiti Islam Sultan Sharif Ali yang telah berjaya menghasilkan seterusnya menerbitkan sebuah antologi puisi yang berjudul INSPIRASI. Saya difahamkan bahawa penerbitan antologi puisi seperti ini merupakan usaha julung-julung kali dibuat oleh UNISSA, yang juga belum pernah dibuat oleh mana-mana institusi pengajian tinggi di negara ini.

Penerbitan antologi puisi ini yang disempenakan dengan Jubli Perak sambutan Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam bagi tujuan untuk mengambil sukut baik tersebut, demi menyemai semangat patriotik cintakan tanah air, membantu bagi menyuburkan kesusasteraan Islam dan menerapkan unsur-unsur pendidikan yang halus menerusi pengucapan puisi-puisi tersebut, amatlah digalakkan dan dihargai.

Kementerian Pendidikan sedang berusaha giat untuk mencapai kecemerlangan dalam penguasaan mata-mata pelajaran Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains, terutamanya di sekolah-sekolah menengah, sesuai dengan tuntutan pembangunan negara pada masa kini, namun mata pelajaran kesusasteraan Melayu juga tidak diabaikan yang dijadikan sebagai salah satu mata pelajaran pilihan. Ini bermakna mana-mana pelajar yang berkecenderungan untuk meneroka bidang tersebut, mempunyai peluang yang terbuka luas sehingga ke peringkat pengajian tinggi di dalam dan luar negara. Malahan juga turut digalakkan bagi pelajar mengambil bidang kesusasteraan Inggeris yang sudah tentu memerlukan kebolehan yang luar biasa.

Kita berharap, akan muncul bakat-bakat sastera kreatif yang berilmu, dan dapat membantu pembangunan pendidikan, pembangunan tamaddun Islam dan negara keseluruhannya.

Sekian.

**HAJI ABDUL RAHMAN TAIB**  
**[ Pehin Orang Kaya Seri Lela ]**  
**MENTERI PENDIDIKAN**

## PENGENALAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala, salawat serta salam ke atas Junjungan kita Nabi Muhammad sallallahu alaihi wasallam, para kerabat, para sahabat dan pengikut-pengikut baginda yang setia hingga ke akhir zaman.

Saya mengucapkan syukur ke hadarat Allah Subhanahu Wata'ala kerana Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berjaya melahirkan sebuah antologi puisi berjudul INSPIRASI sempena Jubli Perak sambutan kemerdekaan Negara Brunei Darussalam.

Walaupun sumbangan ini kecil, tetapi ia tetap bermakna kerana lahirnya antologi ini disempenakan dengan 25 Tahun kemerdekaan negara. Kesempatan ini sangat besar ertinya kepada UNISSA, *Pertama*: kerana sempena Jubli Perak ini hanya berlaku sekali dan tidak akan berulang lagi. Kesempatan yang akan datang ialah Jubli Emas iaitu apabila kemerdekaan negara telah berusia 50 Tahun. Peristiwa itu sudah tentu lama lagi akan berlaku. Maka sebaiknya ialah kesempatan yang ada ini diambil iaitu sukut bersejarah negara kita mencapai kemerdekaan penuhnya yang gilang gemilang.

*Kedua*, untuk merekodkan bahawa dalam tempoh 25 Tahun negara merdeka ini antara hasilnya ialah munculnya Universiti Kedua negara iaitu Universiti Islam Sultan Sharif Ali. Dengan ini melengkapkan ciri Brunei Darussalam menjadi sebuah negara Islam yang Insya Allah akan melahirkan cendekiawan dan ulama yang akan turut menyumbang kepada pembangunan bangsa, agama dan negara.

*Ketiga*, sebagai salah satu usaha untuk membantu negara bagi mempromosikan dan menanamkan semangat patriotisme melalui puisi sekaligus turut menyumbangkan kesuburan sastera Islam di negara ini yang kelihatan sedang berkembang dengan baik dengan adanya hadiah kesusasteraan Islam diperkenalkan baru-baru ini. Adalah diharapkan langkah ini akan dapat menyemai benih-benih sastera Islam di universiti ini.



Mengimbas kembali peristiwa bersejarah yang berlaku di tanah air iaitu berlangsungnya Majlis Anugerah Kesusasteraan Islam sempena 15 Tahun Penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada 7 Zulkaedah 1429 bersamaan 5 November, 2008 di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Negara Brunei Darussalam di mana dalam majlis tersebut telah diisytiharkan pengiktirafan bertaraf nasional terhadap dua orang tokoh sastera silam iaitu: (i) Pengiktirafan Tokoh Sasterawan Islam Brunei yang dianugerahkan kepada Muda Omar 'Ali Saifuddien, nama pena bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, dan (ii) Pengiktirafan Pelopor Kesusasteraan Moden Brunei yang dianugerahkan kepada Al-Marhum Pengiran Shahbandar Mohd. Salleh ibnu Pengiran Sharmayuda (mangkat KM 1858). Di samping itu, majlis tersebut juga mengisytiharkan seorang Pemenang Anugerah Kesusasteraan Islam yang korniakan kepada Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim dan 6 finalis lainnya. Perkembangan yang menarik di atas sudah tentu memerlukan '*follow up*' dan respon yang segera dari masyarakat dan penulis-penulis Islam tanah air. UNISSA walau pun serba kekurangan, tetapi ingin menyumbang sesuatu yang bermakna dalam kadar kemampuannya seperti usaha menerbitkan antologi puisi ini.

Penulis-penulis dalam antologi ini terdiri dari tenaga-tenaga akademik UNISSA dari kalangan anak tempatan dan luar negara yang turut disertai oleh Rektor dan Penasihat Tetap Akademiknya. Profesor Madya Dr Arif Karkhi Abukhudairi telah diamanahkan untuk mengumpulkan semua bahan-bahan berkenaan. Mudah-mudahan usaha ini akan menjadi satu titik tolak yang baik atau menjadi contoh teladan yang bermakna bagi mendorong para tenaga akademik dan para siswa siswi UNISSA bahkan juga institusi-institusi pengajian tinggi lainnya di negara ini, supaya terlibat dalam sastera Islam sebagai satu cabang budaya halus yang tinggi, dan akan menjadi ukuran ketinggian tamadun umat Islam yang mana Negara Brunei Darussalam merupakan sebahagian daripadanya.

Setahu saya sebagai pemerhati perkembangan kesusasteraan di negara ini, penerbitan antologi puisi UNISSA ini adalah merupakan usaha pertama yang pernah dilakukan oleh mana-mana pusat pengajian tinggi di negara ini. Al-Hamdulillah, kejayaan ini membuktikan bahawa

UNISSA turut menyumbang kepada kesuburan dan perkembangan kesusasteraan di negara ini khasnya sastera Islam.

Antologi puisi UNISSA ini mengandungi 46 buah puisi semuanya. Hampir keseluruhan atau kira-kira 90% adalah bertemakan Islam. Jumlah tersebut sudah tentu cukup tinggi yang dapat dihasilkan oleh intelektual Islam dari UNISSA. Puisi-puisi tersebut ditulis dalam tiga bahasa Melayu, Arab dan Inggeris. Walau pun mereka bukan penyair-penyair yang berkecimpung dalam bidang puisi, namun tema keislaman yang mereka bawa itu sudah tentu bermakna dan meyakinkan kerana mereka terdidik dalam pengajian Islam. Malah persembahan mereka dari segi teknik penulisan puisi juga tidak mengecewakan.

Dalam membicarakan tema keislaman itulah mereka menyentuh tentang dakwah, tentang pendidikan, tentang akhlak, tentang kemerdekaan tanah air, tentang semangat patriotisme, kesufian, tentang ketakwaan, dan sebagainya. Misalnya A. Munir, seorang penyair intelektual yang aktif menulis puisi dan tersiar di media massa Malaysia semasa beliau menuntut di Kolej Islam Malaya, Klang, Selangor dahulu, dalam puisinya yang bertajuk "*Tamadun Kemanusiaan Merentasi Sempadan*", antara lain menyuarakan:

*Iradah kebijaksanaan kepintaran menakluki pengetahuan  
Gedong ilmu kilang pemikiran  
Melahirkan modal insan berkemahiran  
Tuntutan ibu pertiwi dan industri pasaran.*

*Memberi sinaran ke seluruh bumi  
Membangunkan tamadun kemanusiaan  
merentas sempadan  
Alpa jangan kepada Tuhan  
Yang menganugerahkan bumi hijau langit biru dan lautan  
Untuk kelangsungan generasi sepanjang zaman.*

Berdasarkan penyair ini adalah seorang ilmuwan Islam, maka dalam puisinya bertajuk "*Wadi Nile*", beliau mendedahkan sejarah Firaun yang bongkak yang ditentang oleh Nabi Musa alaihissalam. Antara lain kata beliau:

*Bumi Mesir Musa dilahirkan  
Menegak kebenaran Tuhan itu satu*

*Keangkuhan Firaun hatinya di pagar  
kegelapan  
Musa hamba yang tabah gagah diberi kelebihan  
Tongkatnya ular memamah ular-ular Firaun  
Tongkat dipukul laut terbelah  
Umatnya lalu dengan aman dan selamat  
Firaun dan tentera karam ditelan gelombang  
Keangkuhan dan takabur menyesatkan.*

Suara hati yang suci kudus pula terpancar menerusi ungkapan dalam puisi-puisinya berikut, iaitu dalam "Kerinduan":

*Dengan zikir solat dan ayat-ayat suci  
Penawar rindu menyiram kalbu  
PadaMu ya, Rabbi hamba menyusun jari  
Itulah rindu dan cinta sejati  
Bisikan hati pada Tuhan Maha Mengetahui  
Merindui keredhaanMu yang belum pasti.*

Dalam "Ramadhan":

*Berlabuh Syaaban di ufuk awan  
Hilal Ramadhan menjenguk pantas  
Masjid dan surau menjadi tumpuan  
Salawat tasbih memuji kebesaran  
Tarawih witr ihya' Ramadhan  
Hati yang khusuk penuh keinsafan memohon  
RahmatMu keampunanMu KeredhaanMu  
SyurgaMu yang satu.*

Dalam "Al-Haramain":

*Makkah dan Madinah bumi kesayangan bumi  
kejayaan  
Bumi pemancar cahaya sinaran  
Makkah dan Madinah bumi nuzul Al-Quraan  
Bumi berkumandang suara azan  
Bumi negara keamanan dan kemanusiaan  
Makkah dan Madinah bumi Al-Haramain  
Umat Islam menunaikan kewajipan.*

Beliau turut melahirkan perasaan hiba dan marah melihat kekejaman, ketidakadilan dan tiada perikemanusiaan akibat dari peperangan yang berlaku di Gaza yang dlorahkan beliau dalam puisinya bertajuk "Palestin":

*Pengorbanan darah terus tumpah mengalir  
Merah menyiram bumi Gaza  
Pemuda bangsa wanita dan kanak-kanak  
Rebah gugur syahid jeritan  
    mengecam kekejaman peperangan  
Suara ratapan ibu tangisan anak-anak  
Kehilangan tempat berlindung  
Bangunan ranap berkecai  
Di lempar bom di mamah kereta perisai  
Oleh bangsa yang tidak punya perasaan belas  
    kasihan dan perikemanusiaan  
Bangsa yang lebih ganas dari singa dan gajah.*

Zairis M.S. pula turut mengongsikan perasaan simpati yang sama mendalamnya terhadap rakyat Palestin di Gaza yang terdedah kepada keganasan kaum Yahudi tanpa pembelaan yang sewajarnya dari bangsa-bangsa lain termasuk kaum muslimin sendiri. Inilah satu tragedi kemanusiaan yang amat nyata yang sepatutnya mendapat perhatian dari seluruh manusia yang menjadi warga dunia tanpa mengira agama, bangsa dan warna kulit. Warga dunia perlu bangkit bersatu menentang dan menghalang kezaliman dan ketidakadilan seperti ini, bukan hanya sekadar meluahkan rasa simpati dan keluhan emosi yang kesannya tidak seberapa. Tetapi di mana warga dunia itu khasnya yang mempunyai kekuasaan dan kekuatan?. Zairis menjadi pesimis melihat keadaan umat Islam di Palestin yang tidak terbela. Katanya dalam puisinya "Tsunami Zionis":

*Maka jadilah lembh ini, tasik  
Merah titisan para pejuang  
Anak-anak, ibu, nenek – malang  
Siapakah akan menghalang?  
Tiada! Tiada! Tiada!  
Kerana dunia kehilangan wibawa  
Diri dan peribadi berkubur  
Ketakutan demi kuasa perkasa  
Yang menentukan segala nasib  
Menentukan haluan perahu  
Lalu semuanya terpaku membisu.*

Dalam puisi bertajuk "Di Bawah Menara Masjid Omar Ali Saifuddin" beliau menggambarkan rasa syukur kepada Allah subhanahu wata'ala yang mengurniakan kepada Brunei Darussalam sebuah masjid yang amat indah di mana

keindahan itu dikembalikannya kepada Allah pencipta dan pencinta segala keindahan. Allah memilih Brunei Darussalam untuk meletakkan masjid ini yang menjadi sumber terpancarnya sinar agamanya, sesuai tanah ini diberkati kerana kesan jejak dari para *da'i* dan para *syarif* keturunan Nabi sallallahu alaihi wasallam. Madahnya:

*Indahnya ciptaan  
Siapakah yang menciptakannya  
Selain yang maha indah  
Pencinta segala keindahan  
Rabbul alamin.*

*Dipilihnya bumi Darussalam  
Memancarkan batu pualam  
Bersemayam tenang tenteram  
Dipilihnya pulau kecil ini  
Bersemadi para sharif  
Yang berkah keturunan Nabi  
Memberikan kudus cahayanya  
Mengabdi para aulia.*

Negara ini yang semakin dewasa, dan suaranya yang semakin didengar di peringkat serantau dan antarabangsa, serta kesan positif dan gilang gemilang dari pencapaian kemerdekaan tanah air selama 25 tahun, dieurahkan oleh penyair dalam puisinya berjudul "*Darussalam Merdeka*".

*Maka suara merdunya pun didengar  
Sayup mengimbau di Timur di Barat  
Dipetikny kecap yang membangkitkan  
Ghairah rindu kemanusiaan sejagat  
Meleburkan waham kesumat dendam  
Meredakan tofan badai melanda  
Pesisir pantai gugusan  
Pesisir pantai benua.*

*Ya, setelah dua puluh lima tahun  
Menyemai benih warisan pertiwi  
Benih itu kini semakin hari  
Semakin mekarnya di ladang kebun  
Semakin rindang menghijau pohonan  
Buahnya ranum disantapi bakal  
Generasi tenang di atas kapal  
Pimpinan rabbani yang kental*

*Imannya iman para aulia  
Mindanya minda jernih takwa.*

Jika direnungi empat baris dalam ungkapan di atas iaitu (*pimpinan rabbani yang kental / imannya iman para aulia / mindanya minda jernih takwa*) jelas bahawa candik kepimpinan yang *rabbani* itu pasti merujuk kepada Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien dan putera baginda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah yang telah menanamkan asas yang kuat bagi kemerdekaan dan kedaulatan negara ini.

Demikian juga M. Yusop meluahkan harapan untuk masa depan negara yang tercinta ini bagi menghadapi segala cabaran yang mendatang dengan memantapkan pendidikan dan iman. Katanya:

*Pandang jauh ke hadapan  
Pada sinar di ufuk gemerlap  
Ilmu jadi pelita hati  
Takwa iman jadi petunjuk  
Teguh di samudra hayat  
Mencapai cita-cita murni  
Sejahtera cemerlang  
Ke akhir zaman*

Dr Hajah Masnon binti Haji Ibrahim pula menyatakan rasa bersyukur terhadap penubuhan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), yang akan menjadi mercu tanda kegemilangan Islam di Negara Brunei Darussalam. Beliau berseloka dalam tajuk "*Seloka UNISSA dan Merdeka*":

*Hasrat dicipta tetap menyala di dada  
Limpah kurnia Ilahi banyak yang tidak terduga  
Tahun 2007 penubuhan UNISSA termakbul jua  
Manjadi universiti kedua bagi negara.*

*Tahun 2007 penubuhan UNISSA sudahlah nyata  
Menjadi universiti kedua dan mercu tanda bagi negara  
Kepadamu UNISSA bersungguh-sungguh bakti ku sua  
Tanda sumbangan kepada negara tercinta.*

Perasaan seperti ini dikongsi oleh "Abou Balqis". Beliau mengungkapkan madahnya dalam puisinya bertajuk "UNISSA":

*UNISSA,  
Kulihat kejauhan  
Di lebuh raya rimba  
Harum semerbak  
Membahana quddusi  
Langkahmu lurus  
Setiap senja setiap saat  
Damilah engkau di sini  
Tanpa bunyi gitari.*

Dalam "Pagi Itu" beliau menyatakan harapannya:

*Pagi pun berlalu  
Sang Mentari meninggi  
Jiwa murni perjuangan  
Ku genggam nur Ilahi  
Di bawah bumbungmu  
UNISSA, sayang  
Kita bina watan gemilang.*

Sementara itu Dr Shohibuddin bin Haji Laming pula mencetuskan tanggapan dan harapannya terhadap UNISSA. Ini dapat dilihat dalam puisinya "Padang Minda". Kata beliau:

*UNISSA...  
Kami di sini juga di sana  
Melihat cermin bercahaya  
UNISSA...  
Bawalah kami ke puncak mayapada  
Mengharungi gelombang visi  
Pancaran duniawi ukhrawi.*

Hajah Rafidah binti Haji Abdullah dalam puisinya "Amanat Seorang Rektor" pula menurunkan kembali nasihat dan pandangan Rektor UNISSA kepada siswa siswinya dalam menempuh gelombang globalisasi supaya menanamkan keyakinan yang tinggi kepada diri sendiri. Begitulah beliau mengolah amanat tersebut:

*Biar kecil  
Kecil-kecil cili padi  
Terus*

*Cipta kualiti  
Pertahan kualiti  
Tingkat kualiti  
Kualiti inti universiti.*

*Banyak berzikir  
Banyak berfikir  
Banyak bertaubat  
Banyak solat  
Banyak tawakkal  
Mencari bekal  
Untuk esok di pentas global.*

Adapun Profesor Madya Dr Arif Karkhi Abukhudairi seorang penyair berasal dari Egypt, sering menggunakan nama penanya sebagai "Arif Khudairi". Dalam antologi ini menyumbangkan beberapa buah puisi, antaranya mengenai ketuhanan, beliau mencurahkan perasaannya dalam puisi berbahasa Inggeris yang bertajuk "*With The Beloved*":

*The night  
Has fallen  
Finally here,  
And the silence  
Has reigned.  
Please, bring  
The sajjada  
Near to me  
And then  
Leave me alone  
With the beloved.*

Dalam puisinya "*In You*", beliau mendapat ilham dari al-Quran berasaskan Surah An-Nas. Katanya:

*Hence, in you  
I seek shelter  
From Satan  
And jinns  
And their followers,  
From men  
And women.*

Hajah Rafizah binti Haji Abdullah pula menyeru kaum muslimin supaya mendekati al-Quran dan berbuat amal kebajikan untuk mendapat ganjaran yang tinggi yang telah



dijanjikan oleh Allah subhanahu wata'ala. Katanya dalam pulisnya "Kenapa":

*Mengapa?  
Insan pada lupa  
Tilawah Al-Quraan  
Sedang  
la kalamullah  
Mukjizat penuh hikmah  
Obat kekuatan hakiki  
Rohani jasmani.*

*Mengapa?  
Insan pada enggan  
Berzakat  
Bersedekah  
Berderma  
Sedang  
Tuhan telah menjanjikan  
Ganjaran yang menggunung  
Tiada kerugian  
Tiada kehilangan.*

Keyakinan yang kental kepada ajaran agama dan **kekosalan** melihat anak bangsa yang kian jauh dari ajaran **agama**, disentuh oleh Dr Shohibuddin bin Haji Laming dalam pulisnya "Lembah Itu":

*Kulalui lembah itu  
Terpancar kubah keemasan  
Bukan rumah bukan prahara  
Tapi rumah Rabbul'alamin  
Hayya 'alassolah  
Anak bangsaku.*

*Kulalui lembah itu  
Kuangkat kaca mataku  
Kupaling kiri kanakku  
Kupejam celik mataku  
Tak ada bayangan, tak ada kelibatmu  
Anak bangsaku.*

Mengenai dengan isu-isu kemerdekaan, isu-isu **kodaulatan**, dan isu-isu yang berkait dengan hal ehwal dan **alam** Brunei Darussalam sebagai sebuah negara Islam,

mendapat sorotan khas dalam antologi ini. Misalnya "Abou Balqis" menukilkan dalam puisinya "Laluan Ini":

*Laluan ini  
Laluan mentari  
Bola-bola alis mataku  
Mata untuk negaraku  
Brunei  
Adalah warna dari satu cahaya  
Erti dari segala bicara  
Syahdu dan hening.*

Apa pula kata Dr Nurol Huda binti Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Haji Ismail berasal dari Malaysia, beliau turut mencurahkan rasa kasih dan sayangnya kepada negara ini sambil menyeru supaya bangun menyumbang bakti, dengan madahnya:

*Wahai teman  
Hargailah dan pertahankanlah kemerdekaan bumi ini  
Yang dicapai dengan mata pena tanpa titisan darah  
Namun begitu tidak bererti tiada cabaran yang  
mengintai.*

*Ayuh bangunlah  
Dari mimpi yang indah  
Dari angin yang mendesir  
Jangan biarkan kemerdekaan itu berlaku berdekad  
Tanpa sumbanganmu.*

Sementara Siti Zaliha binti Haji Abu Salim, turut menyedarkan anak bangsa tentang erti kemerdekaan yang sebenarnya ialah memelihara bendera sebagai lambang kehormatan negara, menghayati dan menjaga falsafah negara Melayu Islam Beraja sebagai panduan semua generasi di negara ini. Ini dinyatakannya dalam puisinya "Wasiat Kemerdekaan", katanya:

*Maka  
Merdeka ini  
Jangan dirai setahun sekali  
Jangan biar tiang bendera berdiri sepi  
Jangan lupa falsafah negeri.*

*Maka  
Bangsamu, agamamu, ketuamu jangan dikhianati  
Malayu Islam Beraja lilitkan ke diri  
Tonggak....jatimu  
Topang.....dagumu  
Kencangkan langkah silatmu  
Teruskan perjuangan ninimu.*

Apa pula kata Wan Habib Wan Ibrahim mengenai tanggapannya terhadap kemerdekaan negara. Ikuti puisinya yang berbentuk syair bertajuk "Takbir Merdeka", beliau menasihatkan:

*Takbir merdeka dilaung dicanang  
Bagai perahu di air yang tenang  
Bangun bangsaku bangkit berjuang  
Tawakkal tempuhi cabaran mendatang.*

*Kini kita generasi penerus  
Bangsa agama jangan terkambus  
Perpaduan persepakatan usah terputus  
Petunjuk hidayah Allah Al-Quddus.*

*Usah kita pentingkan diri  
Tanggungjawab masyarakat dipantuni dihalusi  
Anak watan dididik diperhati  
Landasan Islam jangan terlari.*

Berdasarkan cetusan-cetusan puisi di atas, saya melihat UNISSA berpotensi untuk maju lagi ke hadapan dalam menjana karya kesusasteraan Islam. Memandangkan Brunei Darussalam adalah sebuah negara Islam, maka kewujudan kesusasteraan Islam adalah merupakan salah satu cirinya yang tidak seharusnya diabaikan. Lebih-lebih lagi kesusasteraan Islam juga merupakan salah satu saluran dakwah Islam yang berkesan di zaman Rasulullah sallallahu alaihi wasallam yang sepatutnya kita contohi hingga kini, salah satu pendidikan Islam yang informal, menjana tamadun Islam, dan menyemai semangat patriotisme yang tinggi untuk mempertahankan kedaulatan tanah air.

Antologi puisi ini saya rasa unik dan menarik, bukan hanya kerana di dalamnya terdapat puisi-puisi yang ditulis dalam tiga bahasa, juga memberi ruang bentuk puisi tradisional seperti bentuk syair yang ditulis oleh Wan Habib,

dan bentuk seloka yang ditulis oleh Dr Hajah Masnon. Puisi berbentuk moden dengan pengucapan secara bebas menjadi pilihan kebanyakan penulis dalam antologi ini. Dan memandangkan kebanyakan mereka terdidik dalam pengajian agama dan Arab, sudah tentu gaya bahasa, ungkapan-ungkapan dan perkataan-perkataan banyak dipengaruhi oleh sumber pendidikan tersebut. Namun judul antologi puisi ini "*INSPIRASI*", dalam kamus yang dirujuk membawa makna bisikan hati dan ilham, sesuai dengan objektif antologi ini dilahirkan, di samping ianya memberikan gambaran kesegaran dan dinamikanya pemikiran.

UNISSA bersyukur kerana bersempena Jubli Perak Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam ini dapat merakamkan semangat patriotik, pendidikan dan keislaman menerusi antologi puisi ini yang akan menjadi ristaan sepanjang zaman.

Sekian.

**Pengiran Dato Seri Setia Dr Haji Mohammad  
bin Pengiran Haji Abd. Rahman,**  
Rektor  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali,  
Negara Brunei Darussalam.

19hb. Safar, 1430H.

15hb. Februari, 2009M.

## BIODATA

### PENGIRAN DATO SERI SETIA DR HAJI MOHAMMAD



Pengiran Dato Seri Setia Dr Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd. Rahman, dalam penulisan sastera (puisi) lebih dikenali dengan nama pena Zairis M.S. Mempunyai ijazah B.A. (Jurusan Akidah dan Falsafah) dari Fakulti Usuluddin, Universiti Al-Azhar, Republik Arab Mesir (1979), ijazah M.A. (Pengajian Islam) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (1986) dan ijazah Kedoktoran Falsafah (Ph.D) dari Universiti Malaya (1992).

Seorang penyair prolific. Mempunyai antologi bersama penyair-penyair lain sekitar 10 buah antologi puisi. Mempunyai empat buah antologi puisi persendirian iaitu: *Harga Waktu* (Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993), *Madah Remaja* (Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006), *Salam Takwa* (Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006), dan *Rinduku* (Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008).

Mempunyai beberapa buah buku akademik dan buku analisis puisi antaranya : *Islam di Brunei Darussalam* (DBP, 2005), *Islam di Brunei Darussalam Zaman British (1774-1984)* (DBP, 2008), *Kupasan Puisi Pilihan: Perspektif Islam* (DBP, 2008), lain-lain buku bersama penulis tempatan dan luar negara, antaranya : *Pendidikan dan Profesionalisme* (Negara Brunei Darussalam: Jabatan Perdana Menteri, 2006), *Mendukung Kedaulatan Raja* (Negara Brunei Darussalam: Jabatan Perdana Menteri, 2007), *Sejarah Penubuhan Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam*, (Negara Brunei Darussalam: Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri, 1426H/2005M), *Simposium*

*Serantau Sastera Islam* (Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996), *Prosiding Seminar Antara Bangsa Kesultanan Melayu Brunei di Nusantara*, Jilid 1, (Brunei: Akademi Pengajian Brunei, UBD, 1996), *Dari Sejadah ke Kalam*, Jilid 2, ( Kuala Lumpur: Darul Fikri, 2005). Turut membentangkan beberapa buah kertas kerja di dalam dan luar negara.

Mendapat pengurniaan dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam bintang *Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Kedua* (DSSUB) pada 15 Julai, 2003. Juga mendapat penganugerahan *SEA WRITE AWARD 2008* dari Kerajaan Thailand, dan *Finalis Anugerah Kesusasteraan Islam, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah*, pada 7 Zulkaedah, 1429 / 5 November, 2008.

Pada masa ini menjawat jawatan Timbalan Menteri Pendidikan di Kementerian Pendidikan (sejak 24hb. Mei, 2005) disamping lantikan menjadi Rektor Sementara Universiti Islam Sultan Sharif Ali (sejak awal tahun 2007).

## DAERAH SEPI

*Daerah sepi  
Khazanah alam tabi'i  
Mahal harganya, tapi  
Belum diuji oleh masa  
Kerana matahari masih sembunyi  
Belum memberikan panas cahayanya  
Menarik para santeri  
Istirehat di sini.*

*Kehijauan pohonan dan embun pagi  
Siulan burung cengkerik dinihari  
Banjaran bukitan dan kabus senja  
Di sana Belalong menggamit kembara  
Kembang mekar flora dan faunanya  
Sungai tenang sawah bendangnya  
Tanah subur yang masih tidur  
Kurnia Ilahi.*

*Siapakah tahu rahsia alam  
Ibarat seni di batu pualam  
Di gilap cahayanya lembut sutera  
Namun pualam ini masih misteri  
Belum di teruka belum di warna  
Menunggu wira entah dari mana  
Mengetuk pintu menggali mutiaranya  
Yang terpendam sekian lamanya.*

*Daerah sepi  
Kesepian yang memberikan inspirasi  
Ku petik kecapi rindu kemanusiaan  
Ku tiup seruling rindu pembangunan  
Biar didengar oleh pemikir  
Merdunya suara sang penyair  
Membangkitkan ghairah sedar  
Olak ombak merubah sekitar.*

*Pesisir ini alangkah cantiknya  
Jika ditekuni didandani  
Terpancar dari dalam dirinya  
Manikam mempesona mata.*

*Inilah warisan pusaka  
Yang jika engkau percaya  
Jambatan generasi hari muka.*

*No. 93, Kg. Menengah,  
Bangar Temburong.  
15hb. Julai, 2008*



## DARUSSALAM MERDEKA

*Melihat jejak perjalanan jauhnya  
Dari pagi ke senja kini dewasa  
Kebanggaan milik tanah pusaka  
Padanya keindahan terukir segala  
Intinya zikir makmur sejahtera  
Jiwanya Melayu Islam Beraja.*

*Sebutir bintang di tengah nusantara  
Berkelipan menarik pandang kembara  
Cahayanya lembut halus mesra  
Menggamit gadis manis remaja  
Kerlingannya pesona mata  
Ramah santun hiasan mahkota.*

*Selamat tinggal belunggu penjara  
Sudah dua puluh lima musim  
Terlepas dari rantai sang penakluk  
Yang membikin akal gelita  
Telah berlalu gelita itu pabila  
Di jendela terpantul suria dunia.*

*Bagai burung bebas mengepak  
Sayapnya menuju sang mega  
Dari pulau ke pulau menjangkau  
Dari gunung ke gunung menjunjung  
Salam agong setia sahabat  
Menyuburkan hasrat murni umat  
Silaturrahirn tali keramat.*

*Maka suara merdunya pun didengar  
Sayup mengimbau di Timur di Barat  
Dipetikanya kecapi yang membangkitkan  
Ghairah rindu kemanusiaan sejagat  
Meleburkan waham kesumat dendam  
Meredakan tofan badai melanda  
Pesisir pantai gugusan  
Pesisir pantai benua.*